

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masih banyak rumah panjang di Sarawak yang belum mendapat bekalan air bersih. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membekal air bersih kepada penduduk luar bandar di Sarawak terutamanya di kawasan Parlimen Selangau. Jika ada, bila ianya dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memperuntukkan sebanyak RM2.4 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar di Negeri Sarawak. Sepanjang tempoh RMKe-11 dianggarkan sebanyak 10,625 buah rumah telah menerima bekalan air bersih.

Bagi tempoh RMKe-12 tahun 2021, terdapat dua (2) projek sambungan yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) di Parlimen Selangau iaitu Projek Menaiktaraf Loji Air Sekuau dan Projek Bekalan Air Luar Bandar Wilayah Sangan, Bintulu, Sarawak yang apabila siap nanti akan memberi manfaat kepada 15,900 penduduk di kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan masyarakat luar bandar sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar (2019-2030). Aspirasi Teras Keempat melibatkan usaha melengkapkan liputan prasarana asas yang lengkap di luar bandar. Prasarana yang lengkap dan berkualiti akan menyokong pembangunan ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif.

Secara dasarnya, bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat, Yang Berhormat dipohon supaya mengemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak untuk disenaraikan di dalam senarai keutamaan negeri dan seterusnya dipanjangkan kepada Kementerian bagi pertimbangan selanjutnya.